

PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL (GDI) NEGERI PAHANG BAGI PENGGUNAAN APLIKASI MYGEOSTRANSLATOR

PUTRAJAYA, 14 Mac - Program Pembangunan Infrastruktur Data Geospasial (Gdi) Negeri Pahang bagi Penggunaan Aplikasi Mygeostranlator telah diadakan pada 12 Mac hingga 14 Mac 2019 di Bilik Centre Of Excellence (COE), Aras 8, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Air, Tanah Dan Sumber Asli, Putrajaya. Program ini telah melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah Dan Tanah dan Jabatan/Agensi Negeri dengan jumlah keseluruhan 44 orang. Para pegawai merangkap *Person In Charge* yang telah dilantik oleh Ketua Jabatan masing-masing berperanan sebagai berhubung dengan data-data di antara Negeri dan Daerah.

Program ini telah dikendalikan oleh Unit GIS Negeri dan Unit Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Pahang bersama Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI). Program ini adalah bertujuan untuk membantu dan memudahkan agensi pembekal data mengguna pakai standard data geospasial yang telah dibangunkan oleh MaCGDI melalui Jawatankuasa Teknikal Standard MyGDI (JTSM) bersama dengan Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) bagi memudahkan perkongsian data menerusi program MyGDI.

Penolong Pengarah (Juruukur) di Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Encik Mohd Rifqi bin Mohd Naseri, adalah selaku tenaga pengajar sepanjang tiga hari program berlangsung. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Geodata dan Penyelidikan di Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Encik Mohamed Sofian bin Abu Talib, bagi penyampaian sijil untuk peserta-peserta yang terlibat.





